

Kenaikan inflasi: Hakikat yang pahit tapi perlu ditelan

Dunia berdepan dengan satu lagi cabaran baru yang juga sama mencabar seperti kemunculan varian COVID-19 pada awal tahun 2020.

Bukan sahaja Malaysia, negara-negara lain kini turut berdepan dengan cabaran ekonomi seperti kenaikan inflasi yang mendadak yang boleh menjejaskan kehidupan rakyat.

Banyak negara sudah memasuki fasa pemulihan ekonomi sejurus selepas wabak COVID-19 ini mula reda dan beransur pulih, namun kita diduga dengan konflik di antara Rusia dan Ukraine.

Konflik tersebut merupakan salah satu faktor yang mencetus kepada kekurangan bekalan makanan dunia seterusnya melonjakkan harga makanan.

Mustahil untuk kita mengasingkan diri daripada tekanan kenaikan harga makanan ini kerana kita banyak bergantung kepada sumber makanan daripada negara lain.

Contoh mudah, jika dulu harga roti canai sekitar RM1.20 kini meningkat kepada RM1.50 berikutan harga gandum yang semakin meningkat.

Rusia merupakan pengeksport utama bijirin di dunia, membekalkan lebih 30 peratus bekalan gandum dan krisis yang berlaku ini memberi tempias yang hebat kepada seluruh dunia yang menggunakan gandum.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) juga telah mengeluarkan laporan statistik terbaharu mengenai Indeks Harga Pengguna (CPI) bagi bulan Mei yang melonjak kepada 2.8 peratus berbanding 2.3 peratus pada bulan sebelumnya.

Kenaikan ini didorong oleh harga makanan yang tinggi di pasaran berikutan sumber utama makanan seperti gandum dan jagung melonjak naik.

Jika dibandingkan dengan negara serantau seperti Singapura, Indonesia dan Thailand, kadar inflasi mereka jauh lebih tinggi daripada Malaysia.

Kadar inflasi di Singapura bagi bulan Mei berada pada kadar 5.6 peratus, tertinggi sejak November 2011. Manakala, Thailand merekod kadar inflasi yang tertinggi sejak 14 tahun yang lalu dengan kadar inflasi sebanyak 7.1 peratus.

Di zon Eropah, kadar inflasi Indeks Harmoni Harga Pengguna zon Eropah meningkat dengan ketara daripada 5.9 peratus pada Februari 2022 kepada 8.1 peratus pada Mei 2022.

Ini adalah realiti dan implikasi yang harus kita hadapi dan tangani secara bersama sebagai satu Keluarga Malaysia.

Kerajaan yang diterajui oleh Dato' Sri Ismail Sabri juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan harga barangan di negara ini terkawal.

Sepanjang tahun ini, Kerajaan telah memperuntukkan subsidi sebanyak RM77.7 bilion yang merangkumi petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG), minyak masak berpaket, telur ayam,

tepung dan elektrik bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat serta Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) dan lain-lain subsidi.

Impak inflasi negara mungkin akan mencecah 11.4 peratus jika tiada subsidi diperuntukkan oleh Kerajaan.

Tidak ada mana-mana Kerajaan juga yang pernah mengeluarkan subsidi sebesar itu, namun Kerajaan pimpinan Ismail Sabri sentiasa mengutamakan kesejahteraan seluruh Keluarga Malaysia.

Pemberian tambahan BKM, mengekalkan subsidi bagi minyak masak paket, harga ayam ditetapkan mengikut harga siling serta mengekalkan tarif elektrik merupakan usaha yang dilakukan oleh Kerajaan pada hari ini untuk mengawal inflasi daripada terus membebankan rakyat.

Susulan pengumuman Perdana Menteri tempoh hari mengenai BKM Fasa 2 serta BKM Tambahan, Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM1.74 bilion kepada 8.6 juta penerima melebihi jumlah kumpulan B40.

Ini jelas menunjukkan komitmen Kerajaan dalam membantu rakyat yang berpendapatan rendah termasuk yang berada dalam kumpulan M40.

Baru-baru ini, ramai yang berpandangan bahawa Kerajaan telah menarik subsidi untuk minyak masak berpaket dan juga ayam bulat.

Namun, jika diteliti dan difahami, Kerajaan hanya menarik subsidi untuk minyak masak botol dan mengekalkan subsidi untuk minyak paket.

Subsidi ini melibatkan 60,000 tan metrik sebulan melebihi keperluan isi rumah sebanyak 55,000 tan metrik sebulan.

Namun yang pelik, ke mana hilangnya minyak masak bersubsidi ini. Malah di bandar-bandar besar hampir tidak kelihatan minyak masak paket ini.

Peruntukan subsidi minyak masak tahun ini adalah jauh lebih tinggi iaitu sebanyak RM4 bilion berbanding RM500 juta yang diperuntukkan pada 2020 serta RM2.2 bilion pada 2021.

Isu kenaikan harga ayam juga bukan perkara baharu, tetapi apabila krisis Rusia-Ukraine menyebabkan bekalan makanan dunia terjejas, kita sebagai negara ketiga tertinggi dunia bagi penggunaan ayam turut menerima tempas dari segi harga dan juga bekalan.

Langkah segera telah dilaksanakan oleh Kerajaan adalah menetapkan harga siling dan sehingga kini sebanyak RM1.1 bilion diperuntukkan untuk subsidi harga ayam.

Mengenai tarif elektrik, kebanyakan pakar ekonomi berpendapat kenaikan tarif elektrik tidak dapat dielak memandangkan permintaan tenaga melonjak, gangguan bekalan bahan api serta kekurangan minyak, gas dan arang batu yang semakin meningkat di peringkat global.

Ruang legar media sosial juga sudah penuh dengan jangkaan dan pandangan bahawa Kerajaan akan menaikkan tarif elektrik.

Ternyata Kerajaan sentiasa mengutamakan kesejahteraan seluruh Keluarga Malaysia dengan tidak menaikkan tarif elektrik bagi pengguna domestik, komersil dan industri. Bagi mengekalkan tarif ini, Kerajaan komited menampung subsidi sebanyak RM5.8 bilion.

Negara jiran kita, Indonesia telah mengenakan kenaikan tarif elektrik yang baharu selepas lima tahun sejurus berlaku peningkatan harga global.

Di sebalik peningkatan kadar inflasi ini, konsep ekonomi melihat perkara ini sebagai satu simptom yang baik terhadap pemulihan ekonomi negara memandangkan terdapat peningkatan dari segi permintaan yang melebihi penawaran.

Namun, jika dibiarkan berlarutan akan menyebabkan kumpulan yang berpendapatan rendah seperti B40 dan juga B60 terjejas dengan peningkatan kos sara hidup.

Justeru, tidak adil untuk melihat Kerajaan hari ini sebagai lemah dalam menangani isu inflasi kerana permasalahan global ini telah menjejaskan kebanyakan negara maju.

Kita juga harus terus menyokong usaha pihak Kerajaan yang sentiasa beri keutamaan bagi kemaslahatan hidup Keluarga Malaysia.

Untuk menangani kos sara hidup, kita harus berbalik kepada konsep asas ekonomi iaitu permintaan dan penawaran. Sekiranya permintaan kurang dan penawaran lebih maka harga akan turun dengan sendirinya.

Dalam keadaan yang mencabar ini, kita harus lebih kreatif dan mahu atau tidak gaya hidup perlu diselaraskan semula.

<https://bebasnews.my/2022/07/07/kenaikan-inflasi-hakikat-yang-pahit-tapi-perlu-ditelan/>